

Tarikh dibaca: 14 September 2018M / 04 Muharram 1440H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MENYANTUNI UMAT MEMBAWA
RAHMAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْثَرُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Taubah : 20.



Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**MENYANTUNI UMAT MEMBAWA RAHMAT.**"

Hadirin Jumaat sekalian,

Bersempena dengan kedatangan tahun baru hijrah pada tahun ini marilah bersama kita melakukan penghijrahan dan perubahan kearah memperkukuhkan Islam secara istiqamah kearah yang lebih baik dari sudut aqidah, syariat dan akhlak. Hijrah merujuk kepada perpindahan Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah demi menegakkan Islam. Oleh itu, seorang Mukmin yang berjaya dan cemerlang akan sentiasa melakukan perubahan dan penghijrahan diri untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan berjaya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 20 yang disebutkan di awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan Masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya."

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Hijrah merupakan sunnah para anbia', tiada nabi yang tidak melakukan proses hijrah demi memertabatkan Agama Islam.

Islam adalah agama yang bersifat rahmah serta amat menitik beratkan hubungan sesama individu, keluarga, masyarakat mahupun negara. Ini kerana, Islam menyeru kepada keselamatan dan kesejahteraan dengan akhlak, sikap dan ucapan yang baik. Islam menolak segala bentuk



permusuhan, kebencian dan hasutan. Allah SWT menjadikan manusia di atas muka bumi ini terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَايِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌ

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Muslimin sekalian,

Hijrah mempamerkan erti ukhuwah yang sebenar apabila golongan Muhajirin yang berasal dari Mekah dipersaudarakan dengan golongan Ansar di Madinah sedangkan mereka tidak ada hubungan pertalian darah dan keluarga hinggakan ada yang sanggup berkongsi dengan memberikan sebahagian harta mereka kepada saudara Muhajirin bahkan ada dalam kalangan Ansar menawarkan salah seorang daripada isteri-isterinya kepada golongan Muhajirin. Setiap peringkat kehidupan dan setiap langkah dakwah baginda SAW kita dapati baginda sangat mementingkan ukhuwah. Didalam al-Quran Allah SWT menyeru secara langsung kepentingan hubungan persaudaraan, perpaduan dan penyatuan dalam kalangan umat Islam



dengan gesaan supaya hidup secara bersatu-padu, berkasih-sayang, mengambil berat antara satu sama lain dan menjauhi pertelingkahan serta perpecahan sesama mereka. Firman Allah SWT didalam Surah al-Hujurat ayat 10 :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Untuk menjamin ukhwh yang berkekalan, hendaklah meninggalkan sebarang bentuk perselisihan dan perbalahan didalam urusan kehidupan seharian. Ini kerana, Islam menyeru kepada perpaduan dan keharmonian hidup sesama manusia.

Didalam menyantuni ummah Allah SWT mengingatkan kita supaya menjaga hubungan silaturahim sesama ummat manusia. Oleh itu, Islam menggalakkan umatnya berinteraksi, bergaul dan menjalin hubungan yang baik, dengan harmoni dan sejahtera dalam urusan kehidupan. Sifat berlapang dada dan rasa cinta sesama saudara muslim adalah wajib dipelihara dan disuburkan. Rasulullah SAW sangat melarang bibit-bibit permusuhan dalam kalangan umatnya seperti pertengkaran, perbalahan dan pertikaian sesama muslim. Ini kerana, perbalahan dan pertengkaran itu mengundang fitnah kepada ummat Islam sedangkan fitnah ini adalah perkara yang sangat dilarang oleh Islam.



Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ، وَلَا
تَجَسَّسُوا، وَلَا تَحَسَّسُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَكُونُوا
إِخْوَانًا

"Jauhilah oleh kalian perasangka, kerana perasangka itu adalah ungkapan yang paling dusta. Dan janganlah kalian mencari-cari aib orang lain, jangan pula saling menebar kebencian dan jadilah kalian orang-orang yang bersaudara."

(Riwayat al-Bukhari).

Sebagai agama yang membawa mesej keadilan seorang Muslim, digalakan untuk menanam niat untuk berdakwah kepada yang bukan Muslim dengan mengajak mereka berbincang mengenai agama, menunjukkan kemuliaan akhlak Muslim dan Islam, berbuat adil dan kebaikan, tidak berbuat zalim kepada mereka.

Justeru, marilah sama-sama kita pertahankan kesatuan dan perpaduan yang telah diasaskan oleh Rasulullah SAW selama ini seperti kata pepatah: 'Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dapat disimpulkan sebagai pengajaran dan panduan yang penting, antaranya adalah :



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa hijrah kepada yang lebih baik adalah suatu kewajipan.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam adalah agama yang menekankan prinsip persaudaraan sesama umat dan membawa rahmat kepada manusia sejagat.
3. Umat Islam hendaklah terus berdakwah kepada semua pihak sama ada kepada Muslim atau non Muslim dengan memberi kefahaman kepada mereka tentang kebaikan ajaran Islam yang sebenar.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa memperbaharui azam berhijrah untuk meningkatkan amal ibadah dan berakhlak dengan akhlak yang mulia.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الَّذِينَ تَوَفَّيْنَاهُمُ الْمَلَائِكَةُ ظَالِمِي أَنْفُسِهِمْ قَالُوا فِيمَ كُنْتُمْ قَالُوا
كُنَّا مُسْتَضْعَفِينَ فِي الْأَرْضِ قَالُوا أَلَمْ تَكُنْ أَرْضُ اللَّهِ وَاسِعَةً
فَتَاجِرُوا فِيهَا فَأُولَئِكَ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

"Sesungguhnya orang-orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang-orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang-orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah



neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.”

(al-Nisa' 97).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Puaad/Nurul
05.09.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Bersempena dengan kedatangan bulan Muharram ini, Khatib berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan meningkatkan amalan-amalan yang diperintahkan oleh Allah SWT termasuklah amalan-amalan sunat yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Sebaliknya umat Islam diingatkan agar jangan terlibat dengan perbuatan sesat, khurafat dan menyeleweng seperti yang dilakukan oleh golongan Syiah sempena memperingati Peristiwa Karbala pada 10 Muharram, dengan menyiksa, memukul dan mencederakan tubuh badan sambil meratapi kematian Saidina Husain dan mencaci para sahabat Rasulullah SAW. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،



ابن المرحوم سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِّمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْرٍ، تَعْكُو
اَمِيْر شَاهِ، اِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ
لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ
الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk



mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
